

**SYARAT-SYARAT KELULUSAN AKTIVITI JUAL BELI SYARIKAT BERSTATUS
GUDANG PENGILANGAN BERLESEN (GPB) MELIBATKAN SYARIKAT PEDAGANG (*DROP SHIPMENT*)**

1. GPB adalah dibenarkan untuk menjalankan aktiviti jual beli yang melibatkan syarikat pedagang di luar / dalam Malaysia.
2. Aktiviti *drop shipment* yang dibenarkan adalah melibatkan pergerakan barangan daripada GPB kepada pelanggan akhir.
3. GPB (penjual) hendaklah mengemukakan permohonan melalui Borang Permohonan Pelesenan dan Kemudahan GPB dan Borang Permohonan bagi Menjalankan Aktiviti Jual Beli Yang Melibatkan Syarikat Pedagang (*Drop Shipment*), Lampiran P3 kepada stesen mengawal
4. Tempoh kelulusan yang boleh dipertimbangkan adalah tidak melebihi enam (6) bulan. Selepas tamat tempoh kelulusan berkenaan, walaupun kuantiti yang telah diluluskan masih berbaki, permohonan baharu hendaklah dikemukakan sekiranya perlu.
5. GPB hendaklah merekodkan jualan barang siap secara drop shipment pada penyata di Lampiran M2 (Penyata Barang Siap). Tanggungjawab membuktikan barang-barang telah dieskport / dijual ke KUK adalah terletak kepada pemohon.
6. Barang siap yang telah diluluskan untuk aktiviti ini perlu dibuktikan pergerakan sepertimana yang dinyatakan dalam Panduan Aktiviti Jual Beli Syarikat Berstatus GPB Melibatkan Syarikat Pedagang. Kegagalan mengemukakan dokumen pembuktian adalah tertakluk kepada tuntutan ke atas duti / cukai terlibat dan akan memberi kesan kepada kuota jualan syarikat.
7. Sekiranya terdapat baki barangan siap yang tidak dapat dieksporth /dijual ke KUK dalam tempoh kelulusan atau yang tidak dapat diakaunkan, bil tuntutan akan dikeluarkan terhadap syarikat. Syarikat yang gagal membayar bil tuntutan tersebut tidak akan dipertimbangkan kelulusan bagi permohonan berikutnya,
8. Syarikat perlu memastikan transaksi pembelian dan pengesportan / jualan ke KUK barang siap berlaku dalam tempoh kelulusan yang diberikan.
9. Syarikat perlu menyediakan dan menyimpan rekod atau akaun yang berkaitan dengan aktiviti *drop shipment* ini untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 tahun.
10. Sebarang pelanggaran syarat oleh syarikat akan diambil tindakan berdasarkan kepada peruntukan dan perundangan semasa yang ditadbir jabatan.
11. Syarat-syarat di atas boleh dipinda, ditambah atau diubahsuai pada bila-bila masa jika didapati perlu.
12. Kelulusan ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa sekiranya berlaku sebarang pelanggaran kepada syarat-syarat dan panduan yang ditetapkan.